

16 DEC 2003

Abdullah-Belajar (Bergambar)/I  
CARI KEKAYAAN BARU - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Malaysia mesti terus belajar, menyesuaikan diri dan mencari peluang serta sumber-sumber pertumbuhan baru untuk terus relevan dan kompetitif dalam ekonomi dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata negara perlu membangunkan pangkalan sains sedia ada dan memperuntukkan sumber-sumber untuk pembangunan strategik dan sektor yang baru seperti teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT), bioteknologi, aeroangkasa dan potonik.

Abdullah berkata Malaysia mesti berpandangan jauh dan berdisiplin dalam sektor yang baru muncul untuk memaju dan memodenkan lagi sektor ekonomi.

Bagaimanapun katanya sektor seperti pertanian dan makanan, telekomunikasi dan automotif yang sudah maju, tidak wajar diketepikan.

"Dalam hubungan ini, saya memuji inisiatif yang dijalankan oleh Kumpulan Industri Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dan ahlinya dalam merangka pembangunan berstrategi dalam sektor-sektor ini," katanya ketika berucap pada jamuan ulang tahun ke-10 MIGHT dan taklimat khas kepada penaung badan itu di sini hari ini.

Abdullah ialah penaung MIGHT selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir.

MIGHT merupakan usaha sama pintar antara kerajaan dan sektor swasta dalam merangka sinergi untuk perniagaan dan peluang pelaburan dalam industri, pilihan dasar untuk kerajaan dan keutamaan penyelidikan untuk institusi awam dan swasta.

Ia juga bertindak untuk mengerakkan serta mengurus usaha sama atau usaha teknologi secara kolektif yang tidak mampu dilaksanakan oleh individu.

-- BERNAMA  
SHI SHI LAT